



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN BAGI PEKERJA DI SEKTOR SWASTA  
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2023**

1. YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengisytiharkan satu hari kelepasan am tambahan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri 2023 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan seperti berikut:
  - a) **Sekiranya tarikh 1 Syawal 1444H jatuh pada Jumaat, 21 April 2023, maka Kerajaan menetapkan hari Isnin, 24 April 2023 sebagai hari kelepasan am tambahan; atau**
  - b) **sekiranya tarikh 1 Syawal 1444H jatuh pada Sabtu, 22 April 2023, maka Kerajaan menetapkan hari Jumaat, 21 April 2023 sebagai hari kelepasan am tambahan.**
2. Hari kelepasan am tambahan ini telah diisytiharkan di bawah Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369]. Sehubungan dengan itu, **hari kelepasan am tambahan ini adalah juga merupakan hari kelepasan am bergaji yang diperuntukkan** kepada semua pekerja di sektor swasta **menurut perenggan 60D(1)(b) Akta Kerja 1955 [Akta 265].**
3. Walau bagaimanapun, mengikut proviso kedua Seksyen 60D(1A) Akta 265, majikan juga boleh menggantikan mana-mana hari lain sebagai ganti kepada hari kelepasan am tambahan berkenaan. Sehubungan dengan itu, **para majikan digesa memberi hari kelepasan am tambahan yang diumumkan tersebut sama ada pada 21 April 2023 atau pada 24 April 2023. Majikan juga boleh menggantikannya dengan tarikh lain. Sekiranya tiada penggantian, pekerja yang bekerja pada hari berkenaan layak menerima gaji pada kadar bayaran kerja hari kelepasan am.**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
19 APRIL 2023**